



**GARIS PANDUAN BERHUBUNG PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI
PENDAPATAN KEPADA INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN YANG
LAYAK DI BAWAH PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2020
[P.U.(A) 139/2020]**

1. PENGENALAN

- 1.1 Menteri Kewangan telah mengeluarkan suatu perintah di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 untuk mengecualikan pembayaran cukai daripada semua pendapatan yang diterima oleh mana-mana institusi atau organisasi keagamaan yang layak.
- 1.2 Perintah Pengecualian Cukai [P.U.(A) 52/2017] berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017 hanya terpakai kepada institusi atau organisasi keagamaan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia institusi atau organisasi itu. Kategori layak adalah pendaftaran di bawah jawatankuasa pengurusan ataupun pengurus rumah ibadat berdaftar sahaja.
- 1.3 Mulai Tahun Taksiran 2020, melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2020 [P.U.(A) 139/2020] layanan bagi mengecualikan pembayaran cukai daripada semua pendapatan turut diberikan kepada institusi atau organisasi keagamaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

2. OBJEKTIF

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan dengan jelas maksud institusi atau organisasi keagamaan yang layak dan prosedur permohonan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPHDNM) bagi tujuan pengecualian cukai daripada semua punca pendapatan yang diterima oleh institusi atau organisasi keagamaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] sahaja .
- 2.2 Garis panduan ini juga menerangkan :
- (a) institusi atau organisasi keagamaan yang layak,
 - (b) kriteria dan syarat-syarat kelayakan untuk institusi atau organisasi keagamaan yang layak,
 - (c) prosedur permohonan pengecualian cukai oleh institusi atau organisasi keagamaan yang layak,
 - (d) akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan oleh institusi atau organisasi keagamaan yang layak,
 - (e) tempoh masa kelulusan, lanjutan dan rayuan permohonan,
 - (f) syarat-syarat kelulusan dalam tempoh kelulusan,
 - (g) ketidakpakaian.

3. INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN YANG LAYAK

- 3.1 Institusi atau organisasi keagamaan yang layak mestilah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dan terpakai semata-mata kepada tempat atau rumah ibadat;
- 3.2 Objektif penubuhan tempat atau rumah ibadat hendaklah bertujuan semata-mata bagi aktiviti penyembahan dan pengembangan agama sahaja;

- 3.3 Pengendalian tempat atau rumah ibadat hendaklah melalui ahli jawatankuasa yang dilantik dan dianggotai tidak lebih daripada 70% ahli Lembaga Pengarah daripada SBMJ dan selebihnya orang luar yang tiada kaitan dengan SBMJ bagi aktiviti penyembahan dan pengembangan agama;
- 3.4 Tanah bangunan, tapak bangunan dan bangunan sama ada dibangunkan, dibeli atau disewa sebagai tempat atau rumah ibadat hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Dokumen sokongan kelulusan perlu dikemukakan sebagai bukti kelulusan yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan tempat atau rumah ibadat beroperasi;
- 3.5 Kewujudan dan operasi tempat atau rumah ibadat mestilah juga disahkan oleh Pertubuhan Agama Induk yang berkaitan seperti :

Bil	Agama	Pertubuhan Agama Induk
a.	Islam (masjid/surau)	Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)
b.	Buddha (tokong)	Malaysian Buddhist Association (MBA) Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)
c.	Kristian (gereja)	Christian Federation of Malaysia (CFM) [Incorporating the Catholic Bishops Conference Of Malaysia (CBCM), Council Of Churches Of Malaysia (CCM) & National Evangelical Christian Fellowship (NECF)]
d.	Hindu (kuil)	Malaysia Hindu Sangam (MHS)

e.	Sikh (gudwara)	Malaysian Gurdwaras Council (MGC) atau Khalsa Diwan Malaysia (KDM)
f.	Tao (tokong)	Federation Of Taoist Associations Malaysia (FTAM)
g.	Lain-lain	Surat pengesahan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

4. KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN YANG LAYAK

- 4.1 Pendapatan, keuntungan dan harta tanah yang diperolehi hendaklah disalurkan semula kepada tempat atau rumah ibadat bagi mencapai objektif dan tujuan penyembahan serta pengembangan agama sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan atau undang-undang bertulis yang terpakai;
- 4.2 Perbelanjaan bagi operasi pengurusan atau pentadbiran tempat atau rumah ibadat seperti pembayaran gaji kakitangan pengurusan mestilah berpatutan dan tidak dibayar dengan kadar tinggi serta berlebihan;
- 4.3 Pembelian dan pelupusan aset atau hartanah oleh tempat atau rumah ibadat perlulah dimaklumkan awal dan mendapat kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN);
- 4.5 Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa tempat atau rumah ibadat perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan di bawah seksyen 77A ACP 1967 ke cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia(LHDNM) yang mengendalikan fail cukai pendapatan pada setiap tahun;

- 4.6 Penyata kewangan tahunan beraudit tempat atau rumah ibadat hendaklah dikemukakan kepada LHDNM (Jabatan Dasar Percukaian) pada setiap tahun dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya.
- 4.7 Sekiranya, semakan awal semasa proses permohonan mendapati untuk tempoh 3 tahun, tempat atau rumah ibadat tidak tertakluk kepada sebarang pengenaan cukai pendapatan kerana punca pendapatan derma semata-mata, maka permohonan pengecualian cukai adalah tidak terpakai kerana tiada pendapatan bercukai lain untuk menikmati pengecualian cukai yang berkaitan.
- 4.8 Tempat atau rumah ibadat juga tertakluk kepada peruntukan lain di bawah ACP 1967 seperti mengemukakan Borang E (Majikan) mengikut tarikh yang ditetapkan, sekiranya tempat atau rumah ibadat tersebut membayar gaji kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja yang terlibat.

5. PROSEDUR PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI OLEH INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN YANG LAYAK

- 5.1 Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa tempat atau rumah ibadat perlu mengemukakan permohonan ke LHDNM bagi tujuan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan yang diterima mulai 01/01/2020.
- 5.2 Permohonan hendaklah menggunakan kepala surat rasmi rumah ibadat yang menyatakan dengan jelas alamat surat-menyurat, emel dan nombor telefon serta dokumen-dokumen lain yang lengkap, seperti:
 - (a) Salinan notis perakuan pemerbadanan Syarikat Awam;
 - (b) Salinan Perlembagaan/Undang-Undang Bertulis;

- (c) Surat pengesahan dan sokongan oleh Pertubuhan Agama Induk;
- (d) Penyata kewangan beraudit;
- (e) Salinan penyata akaun bank berasingan;
- (f) Salinan geran tapak rumah ibadat atau perjanjian sewa premis digunakan sebagai rumah ibadat;
- (g) Pengesahan Pihak Berkuasa Tempatan bahawa bangunan dibina, dibeli atau disewa bagi tujuan tempat atau rumah ibadat; dan
- (h) Dokumen lain yang berkaitan tempat atau rumah ibadat.

5.3 Permohonan rumah atau tempat ibadat yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya, Selangor.

6. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN OLEH INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN YANG LAYAK

- 6.1 Sekiranya rumah atau tempat ibadat melanggar mana-mana **syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2020 [P.U.(A) 139/2020], kelulusan boleh dibatalkan pada bila-bila masa.
- 6.2 LHDNM akan membuat semakan pematuhan dan rumah atau tempat ibadat hendaklah mengemukakan laporan kewangan beraudit, perihal aktiviti keagamaan yang dijalankan serta mengemukakan lain-lain maklumat yang perlu dari semasa ke semasa.

7. TEMPOH MASA KELULUSAN, LANJUTAN DAN RAYUAN PERMOHONAN

- 7.1 Tempoh kelulusan untuk tempat dan rumah ibadat adalah **selama 5 tahun** .
- 7.2 Tempoh lanjutan hendaklah dipohon dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tempoh kelulusan tamat berserta alasan dan dokumen sokongan.
- 7.3 Lanjutan tempoh kelulusan hanya akan diberi pertimbangan oleh KPHDN selepas semakan rekod pematuhan syarat kelulusan dibuat terdahulu.

8. SYARAT-SYARAT KELULUSAN DALAM TEMPOH KELULUSAN.

- 8.1 Syarat-syarat kelulusan rumah atau tempat ibadat yang disenaraikan di dalam garis panduan ini hendaklah dipatuhi dalam tempoh kelulusan diberikan.
- 8.2 Semakan audit akan dijalankan bagi memastikan kepatuhan syarat-syarat kelulusan dari masa ke semasa.

9. KETIDAKPAKAIAN

- 9.1 Persatuan keagamaan yang berdaftar dan ditubuhkan semata-mata oleh penganut-penganut agama bagi tujuan kebajikan ahli-ahlinya.
- 9.2 Institusi atau organisasi keagamaan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARIKH : 25/03/2021

s.k: LHDN.01/35/42/51/179-1(aa)



JABATAN DASAR PERCUKAIAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL, ARAS 17
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) 2020
[P.U.(A). 139/ 2020]

Senarai Semak Permohonan Rumah Ibadat Berdaftar Di Bawah SSM

- Sijil Perakuan Pendaftaran / Pemerbadanan syarikat berhad menurut jaminan;
- Salinan Perlembagaan / Undang-Undang bertulis;
- Senarai ahli Jawatankuasa Rumah Ibadat yang menunjukkan nama, alamat, pekerjaan atau perniagaan yang dijalankan dan jawatan yang dipegang dalam Jawatankuasa Rumah Ibadat;
- Surat Pengesahan daripada Pertubuhan Agama Induk (National Religious Body) seperti Malaysian Buddhist Association, Christian Federation of Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Malaysian Gurdwaras Council atau Federation of Taoist Association Malaysia bahawa rumah ibadat adalah untuk tujuan keagamaan dan ibadat semata-mata dan AJK adalah pihak yang diberi kuasa untuk menguruskan rumah ibadat tersebut;
- Ketetapan / minit mesyuarat yang memutuskan perlantikan AJK Rumah Ibadat berkaitan;
- Senarai aktiviti yang dijalankan oleh rumah ibadat untuk tempoh 2 tahun;
- Pengesahan pihak Berkuasa Tempatan bahawa bangunan dibina, dibeli atau disewa bagi tujuan rumah ibadat;
- Salinan geran tapak rumah ibadat atau perjanjian sewa premis digunakan sebagai rumah ibadat;
- No fail cukai pendapatan di bawah C/ TF :
- Penyata kewangan beraudit untuk tempoh 3 tahun dan punca pendapatan selain daripada derma;
- Salinan penyata akaun bank berasingan untuk tempoh 2 tahun;
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.**

.....
Nama : ()
Jawatan :
Tarikh :

Nota : Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.